

RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

Amalan Pilihan Raya

- Wujudnya amalan demokrasi.
- Diadakan dalam tempoh 5 tahun.
- Kempen pilihan raya membolehkan rakyat mengenali calon dan memahami manifesto parti yang bertanding.
- Undian dilakukan dengan menggunakan prosedur yang telus dan sistematik.
- Rakyat akan menyemak nama pada daftar pemilih sebelum mengundi.
- Undi ialah rahsia dan merupakan bukti keabsahan kerajaan yang dipilih rakyat.


Kebebasan Asasi

- Kebebasan asasi hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seorang individu di sisi undang-undang.



★ Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan

Struktur Pentadbiran Persekutuan:



★ Badan Perundangan (legislatif)

- Fungsi: Menggubal undang-undang
- Peringkat Kerajaan Persekutuan: Parlimen
- Peringkat Kerajaan Negeri: Dewan Undangan Negeri (DUN)

Parlimen

- Badan perundangan tertinggi di Malaysia.
- Terdiri daripada 3 komponen:
 - Yang di-Pertuan Agong
 - Dewan Rakyat/Senat - Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara. Ia membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.
 - Dewan Negara/ Perwakilan - Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Ia menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.
- Lambang demokrasi

- Fungsi:
 - Berkuasa menggubal undang-undang.
 - Membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada.
 - Menyemak dasar kerajaan.
 - Meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai baharu.

Dewan Undangan Negeri (DUN)

- Terdapat DUN di setiap negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. - Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen.
- Terdiri daripada: Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (Dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri.)
- Berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

★ Badan Eksekutif (pelaksana)

- Fungsi: Melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan
- Peringkat Kerajaan Persekutuan: Jemaah Menteri
- Peringkat Kerajaan Negeri: Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Jemaah Menteri (Kabinet)

- Terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan.
- Tugas: Menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.
- Tugas Perdana Menteri: Mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.
- Tugas Menteri: Mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.


- Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen. Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
- Jika seorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- Kuasa terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- Bagi negeri Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council).
- Di Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri.
- Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

★ Badan Kehakiman (judisiari)

- Fungsi: Bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan
- Diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh makamah.
- Hakim dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita.
- **Peranan:** Untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat DAN menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Fungsi bergantung pada status mahkamah yang terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas.
- Mahkamah peringkat negeri: Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah.



Hierarki badan kehakiman di Malaysia



Poster "Jom Kita Mengundi" yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia untuk menggalakkan orang ramai menunaikan tanggungjawab mengundi.

SUHAKAM

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan institusi Hak Asasi Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597. SUHAKAM berperanan bagi mempromosikan dan melindungi hak asasi semua orang di negara ini.

Sistem Jemaah Menteri Kesultanan Melayu Kelantan

Pada abad ke-19, Sultan Muhammad II membentuk Sistem Jemaah Menteri bagi melicinkan pemerintahan Kesultanan Melayu Kelantan.

8 badan Jemaah Menteri ditubuhkan dan setiap satunya dianggotai oleh 4 orang pembesar. Jemaah Menteri tersebut terdiri daripada:

- Jemaah Penasihat Raja
- Jemaah Menteri Istana
- Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman
- Jemaah Menteri Dalam Negeri
- Jemaah Menteri luar
- Jemaah Menteri Perbendaharaan
- Jemaah Menteri Peperangan
- Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri

Mahkamah Khas

Tidak terletak dalam hierarki mahkamah biasa, antaranya:

- Mahkamah Khas Raja-Raja
- Mahkamah Tentera

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

★ Gabungan Unsur Tradisional dan Moden dalam Pentadbiran

- Unsur tradisional: Kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
- Unsur moden: Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.

★ Mekanisme Semak dan Imbang dalam Pentadbiran

- Pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara.
- Kuasa pengimbang yang ada pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan antara kaum.
- Melalui pengasingan kuasa, iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.

★ Kuasa Budi Bicara Raja

- Kuasa budi bicara ialah kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.
- Kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri.
- Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri.
- Kuasa Yang di-Pertuan Agong: Tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen.
- Kuasa Raja dan Yang di-Pertua Negeri: Tidak memperkenankan pembubaran DUN.

★ Kerjasama Politik

- Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan membolehkan parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara.
- Sejak pilihan raya 1955, gabungan parti berasaskan kaum dibentuk atas nama Parti Perikatan. Gabungan ini kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional.
- Barisan Nasional: menang 13 kali.
- Pada Pilihan Raya Umum ke-14, Pakatan Harapan memenangi pilihan raya untuk membentuk Kerajaan Persekutuan.

Informasi

Tahun Pembentukan	Kerjasama politik
1954	Parti Perikatan
1962	Parti Perikatan Sarawak, Parti Perikatan Sabah
1974	Parti Perikatan (Barisan Nasional, BN)
1990	Angkatan Perpaduan Ummah (APU)
1999	Barisan Alternatif (BA)
2008	Pakatan Rakyat (PR)
2015	Pakatan Harapan (PH)
2018	Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Bersatu Sabah (GBS)

Pada bulan Feb 2020, Perikatan Nasional menerajui negara kita menggantikan Pakatan Harapan.

TAMAT BAB 3 (BAHAGIAN 2)